

01/09/2000

Waspada dengan agenda musuh dalam selimut

Jamhariah Jaafar

SELAMA ini, ahli politik terlalu banyak dengan retorik mengenai perjuangan agama, bangsa dan negara tetapi hari ini kebanyakan retorik berkenaan memakan diri sendiri.

Justeru, air mata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mendeklamasi sajak bertajuk 'Perjuangan Belum Selesai' di majlis anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 1996 bukanlah satu sandiwara tetapi lahir daripada seorang pejuang yang tidak rela melihat anak bangsanya terus dijajah dan diperlekehkan, terutama selepas mengecap kemerdekaan hampir setengah abad.

Jika pejuang bangsa seperti Leftenan Adnan Saidi melihat perpecahan bangsa Melayu hari ini hanya disebabkan perasaan tidak puas hati terhadap individu, beliau pasti mengalirkan air mata kerana perjuangannya mempertahankan agama, bangsa dan negara daripada dijajah Jepun pada 1942, tidak diwarisi anak bangsanya yang hanyut dengan kemewahan hidup selepas merdeka.

Selepas berjaya melepaskan diri daripada belunggu penjajahan 43 tahun lalu, kejayaan demi kejayaan yang dicapai Malaysia mengaburi mata ramai rakyat negara ini.

Ramai yang lupa bahawa keamanan dan keharmonian yang dikecapi selama ini adalah hasil pengorbanan ramai pejuang bangsa yang benar-benar bermandi darah untuk memastikan tanah air tercinta ini bebas dan merdeka.

Ternyata tayangan filem Leftenan Adnan arahan Aziz M Othman yang membuka tirai sempena hari ulang tahun kemerdekaan semalam, sebenarnya bukan saja mengembalikan nostalgia pahit maung pejuang masa lalu, bahkan mengingatkan rakyat, terutama bangsa Melayu, mengenai erti perjuangan.

Perjuangan yang bukan sekadar laungan di mulut tetapi perjuangan yang memerlukan pengorbanan bukan saja darah seorang pahlawan, bahkan pengorbanan seorang isteri dan anak-anak kecil yang akhirnya kehilangan tempat bergantung.

Tayangan perdana untuk mengutip derma Tabung Pahlawan anjuran Pergerakan Pemuda Umno malam Selasa lalu, juga diharap mencetus sedikit perasaan untuk turut menjadi seorang pejuang yang tidak rela melihat anak bangsanya terus diperkecilkan oleh bangsa asing yang ternyata sering memandang rendah dan remeh akan kemampuan pewaris Tanah Melayu ini.

Filem ini turut membangkitkan semula semangat kepada wira bangsa, selepas maruah angkatan bersenjata negara tercemar dengan peristiwa di Sauk baru-baru ini.

Kehadiran semula pahlawan berjiwa besar seperti Leftenan Adnan yang berjuang habis-habisan hingga tersungkur di bumi sendiri, patut dijadikan contoh kepada anak muda yang tidak pernah tahu erti kesengsaraan dan keperitan hidup selepas dihidang kemewahan yang dicapai selepas negara merdeka.

Turut patut diambil iktibar ialah kehadiran musuh dalam selimut, yang memang selalu manis di bibir tetapi tidak pernah sunyi daripada menyimpan niat jahat.

Kehadiran musuh seumpamanya ternyata dengan mudah memperdaya anak bangsa yang ghairah untuk menebus maruah bangsa sehingga tidak nampak agenda tersembunyi musuh negara.

Maka wujudlah keadaan di mana musuh menjadi kawan manakala kawan menjadi lawan yang akhirnya menyaksikan satu bangsa bermusuhan sesama sendiri.

Kehadiran musuh dalam selimut ini bukan sesuatu yang baru, bahkan dalam sejarah negara ini memang ramai yang bersikap demikian. Umpan kemewahan

sering membutakan mata mereka daripada melihat niat sebenar musuh negara.

Sambutan ulang tahun kemerdekaan edisi ke-43 ini banyak menyaksikan rentetan cerita dan pengalaman yang tidak menyenangkan. Keamanan dan keharmonian hidup di kalangan rakyat pelbagai kaum negara ini hampir tercemar oleh isu perkauman yang tidak sepatutnya dicetuskan oleh sesiapaupun.

Tetapi yang lebih menyentuh perasaan ialah apabila melihat pewaris bangsa bersengketa sesama sendiri. Perasaan tidak puas hati dan kecewa walaupun memang wajar diluahkan, tetapi tidak harus sampai menggugat keutuhan bangsa yang terpelihara selama ini.

Sikap bertolak-ansur Melayu yang menyaksikan diri dijajah selama lebih 450 tahun dan kemudian akur dengan kehendak Inggeris supaya menerima bangsa mendatang sebagai sebahagian rakyat negara ini, tidak patut dilihat sebagai kelemahan bangsa sendiri.

Bagaimanapun, bangsa Melayu tidak boleh mendabik dada mengatakan tanah air ini milik mutlak mereka, sebaliknya turut perlu bertolak-ansur dengan kaum lain yang juga rakyat Malaysia. Hak istimewanya sebagai kaum peribumi tidak akan digugat sekiranya semua bersatu padu.

Tetapi perpaduan antara kaum yang dikecap selama 31 tahun selepas tragedi 13 Mei, patut diteruskan. Imej Malaysia yang terkenal di seluruh dunia dengan keharmonian antara kaumnya, tidak patut digugat dengan pandangan dan luahan tidak puas hati golongan tertentu.

Apa yang kita mahu ialah perpaduan dan keharmonian antara kaum yang dikecapi selama ini berterusan. Anak-anak generasi baru tidak perlu diugut dengan isu berbau perkauman, sebaliknya patut disemai dengan perasaan saling hormat-menghormati akan hak dan kelebihan masing-masing.

Cuma kita bimbang dengan kehadiran mereka yang bagai `duri dalam daging', tidak putus-putus cuba mencetuskan perasaan tidak puas hati bukan saja terhadap pemerintah, malah di kalangan rakyat pelbagai kaum negara ini.

(END)